



KENYATAAN MEDIA

AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024 BERKUATKUASA SECARA BERPERINGKAT MULAI 31 JANUARI 2025

Kuala Lumpur, 31 Januari 2025 – Selaras dengan strategi dan sokongan kepada agenda reformasi dalam memperkuuh tatakelola Kerajaan dan tadbir urus negara, termasuk ekosistem sektor korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menguatkuasakan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 secara berperingkat bermula hari ini.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 ini mempunyai dua objektif utama iaitu menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara melalui pengenalan kerangka perundangan Mekanisme Penyelamat Korporat serta mendokong ketelusan dalam tadbir urus korporat melalui kerangka kerja berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial di dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan kemudiannya di Dewan Negara pada 31 Julai 2024. Seterusnya, Rang Undang-Undang ini telah juga menerima Perkenan DiRaja pada 9 Oktober 2024 dan diwartakan sebagai Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 [Akta A1728] pada 17 Oktober 2024.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 mengandungi 13 fasal yang terdiri daripada tiga kluster polisi.

Kluster polisi 1 adalah pengenalan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial Perkongsian Liabiliti Terhad. Kluster polisi 2 adalah pengenalan kerangka mekanisme penyelamat korporat Perkongsian Liabiliti Terhad.

Kluster polisi 3 adalah pengemaskinian dan pengukuhan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus Perkongsian Liabiliti Terhad yang mampan.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 dikuatkuasakan secara berperingkat melalui tiga fasa.

Fasa pertama Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2025 melibatkan peruntukan berkaitan pemunya benefisial iaitu Seksyen-Seksyen 2, 3, 4, 5, subseksyen 11(a) dan Seksyen 13.

Dalam fasa ini, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) diberikan tempoh peralihan selama tiga bulan iaitu dari 1 Februari 2025 hingga 30 April 2025 untuk melaksanakan proses mengenal pasti pemunya benefisial di peringkat PLT dan merekodkan maklumat tersebut dalam daftar pemunya benefisial PLT yang disimpan di pejabat berdaftar PLT tersebut.

Mulai 1 Mei 2025 hingga 31 Oktober 2025, PLT diwajibkan untuk menyerahsimpan maklumat pemunya benefisial kepada SSM. Sepanjang tempoh ini, SSM akan mengecualikan fi lewat serah simpan, fi rektifikasi dan tiada tindakan penguatkuasaan. Selepas tamat tempoh tersebut, fi lewat serah simpan dan fi rektifikasi akan dikenakan serta tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh pihak SSM.

Manakala, fasa kedua Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 dijangka akan dikuatkuasakan pada 31 Mac 2025, melibatkan peruntukan berkaitan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang mampan iaitu Seksyen 8, 9, 10 dan subseksyen 11(b).

Fasa ketiga Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 pula melibatkan peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat iaitu

Seksyen 6, 7 dan 12 yang dijangka akan dikuatkuasakan pada 31 Disember 2025.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 bersama Soalan Lazim (FAQ) yang menyediakan maklumat terperinci boleh diakses melalui portal rasmi SSM, www.ssm.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklum Balas, SSM Chatbot, *Live Chat* SSM di portal rasmi SSM, talian 03-7721 4000, atau emel enquiry@ssm.com.my.

**DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
TARIKH: 31 JANUARI 2025**